

30 AUG 1996

LOFSA HARAP DAPAT DERAJ RANG UNDANG-UNDANG SEKURITI MENJELANG APRIL

Oleh: Yong Soo Heong

LABUAN, 30 Ogos (Bernama) -- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) berharap menyiapkan deraf bagi cadangan Rang Undang-undang Sekuriti Luar Pesisir menjelang April tahun depan, ketua pengarahnya Dr Awang Adek Hussin, berkata hari ini.

Di dalam satu wawancara, katanya LOFSA kini sedang membincangkan dengan pihak-pihak berkuasa berkaitan mengenai penggubalan rang undang-undang itu.

Rang undang-undang itu, antara lain, akan menakrifkan bagaimana industri sekuriti luar pesisir akan dikendalikan.

Rang undang-undang yang dicadangkan itu, katanya akan menjelaskan peranan penyeliaan LOFSA di dalam pembangunan pasaran modal luar pesisir di Labuan dan instrumen-instrumennya.

Katanya rang undang-undang itu adalah perlu memandangkan Suruhanjaya Sekuriti (SC) adalah badan pengawasan bagi industri sekuriti dalam negeri dan meliputi setiap pelusuk negara.

Dr Awang Adek berkata jika LOFSA tidak mengemukakan rang undang-undang itu bagi industri sekuriti luar pesisir, maka keganjilan akan timbul kerana Labuan adalah sebahagian daripada Malaysia.

Jelasnya, "Apabila anda tidak mempunyai undang-undang khusus untuk meliputi operasi di sini, maka anda cenderung untuk melihat undang-undang mana yang boleh digunapakai. Dalam kes ini terdapat keganjilan sama ada Akta Industri Sekuriti dalam negeri (SIA) boleh digunapakai atau tidak kerana Labuan adalah sebahagian daripada Malaysia.

"Inilah kedudukan yang kita mahu jelaskan dengan sejelas-jelasnya. Rang undang-undang baru itu akan membantu menjelaskan keadaan. Apa yang kita kata ialah bahawa LOFSA akan memainkan peranan di Labuan berhubung dengan sekuriti luar pesisir dan pelabur-pelabur luar pesisir. Tentulah ini akan merupakan sesuatu yang amat mudah."

Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan LOFSA dan merasmikan Ujana Kewangan di sini semalam, katanya Labuan dan Kuala Lumpur akan saling melengkapi di dalam langkah negara untuk menjadi sebuah pasaran serantau dan patut menjadi "jambatan" yang menghubungkan kedua-dua tempat itu daripada segi pelabur, produk dan prasarana.

Katanya salah satu daripada "jambatan itu" sedang dikaji ialah penubuhan sebuah bursa saham antarabangsa di Labuan untuk memperuntukkan penyenaraian syarikat-syarikat luar pesisir, dana-dana yang ditubuhkan di Labuan dan syarikat-syarikat antarabangsa.

"Penyenaraian ini sebenarnya boleh dibuat sama ada di Kuala Lumpur atau Labuan," kata perdana menteri.

Dr Awang Adek mengumumkan bahawa apa yang sedang dikaji adalah perkara-perkara seperti sama ada bursa antarabangsa itu akan bebas atau akan merupakan sebahagian daripada prasaarana Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Terdapat beberapa urutan dan inilah isu-isu yang menarik dan perlu beberapa bulan untuk menyelesaikannya," katanya.

Sementara itu, katanya LOFSA akan membincangkan perkara-perkara itu dengan SC dan BSKL. -- BERNAMA

SHY OS/sia